

Received	17 July 2025	Accepted	17 July 2025
Revised	27 August 2025	Published	15 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	46-64
http://doi.org/			
To cite: Ahmad Azizi Madzlan & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2025. Pengaplikasian <i>Qawaid Tadabbur 'ala Qisar al-Mufasssal dalam Tadabbur Surah Maryam</i> Karya Dr. Aqil Salim Al-Syamriy. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 46-64. DOI: http://doi.org/			

Pengaplikasian *Qawaid Tadabbur 'ala Qisar al-Mufasssal* dalam Tadabbur Surah Maryam
Karya Dr. Aqil Salim al-Syamriy

The Application of *Qawa'id al-Tadabbur 'ala Qisar al-Mufasssal* in the Tadabbur of Surah Maryam
by Dr. Aqil Salim al-Shamriy

Ahmad Azizi Madzlan¹ & Wan Nasyrudin Wan Abdullah²

Abstrak

Tadabbur al-Quran adalah suatu tuntutan penting dalam usaha menghayati isi kandungan dan serta merealisasikan pengamalannya dalam kehidupan. Proses ini melibatkan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam mentadabbur al-Quran dengan lebih mendalam dan berkesan. Salah satu pendekatan tadabbur al-Quran adalah melalui kaedah bahasa arab. Namun demikian, masyarakat Malaysia berhadapan dengan cabaran dalam penguasaan bahasa Arab disebabkan faktor persekitaran dan persepsi sebagai bahasa asing. Oleh itu, tadabbur al-Quran menjadi wahana aplikasi bahasa Arab yang memperdalamkan penghayatan terhadap makna al-Quran. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis kaedah tadabbur berasaskan pendekatan bahasa Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap dua teks utama karya Dr. Aqil Salim al-Syamriy, iaitu *Qawā'id al-Tadabbur 'alā Qiṣār al-Mufaṣṣal* dan *Tadabbur Surah Maryam*. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah tadabbur yang dirangka dan diaplikasikan oleh al-Syamriy dalam *Tadabbur Surah Maryam* bersifat praktikal, komprehensif, serta

¹ Calon Sarjana al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. e-Mel: azizimdzn00@gmail.com

²Pensyarah Kanan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. e-Mel: tokwedin@ukm.edu.my

fleksibel bergantung kepada kesesuaian ayat. Justeru, kajian ini menegaskan kepentingan memperluas pengaplikasian kaedah tadabbur sebagai medium penghayatan al-Quran yang sistematik dan berkesan.

Kata Kunci: Tadabbur al-Quran, Kaedah Tadabbur, bahasa arab.

Abstract

Tadabbur of the Qur'an is an essential requirement in the effort to internalize its contents and actualize their application in daily life. This process involves various methods and approaches to reflect upon the Qur'an more deeply and effectively. One of the approaches to tadabbur of the Qur'an is through the Arabic language. However, Malaysian society faces challenges in mastering Arabic due to environmental factors and the perception of it as a foreign language. Therefore, tadabbur of the Qur'an becomes a medium for applying the Arabic language, which enhances the understanding of the Qur'an's meanings. In line with this, the present study aims to analyze tadabbur methods based on the Arabic language approach. This study adopts a qualitative design using content analysis on two main works of Dr. Aqil Salim al-Syamriy, namely Qawā'id al-Tadabbur 'alā Qiṣār al-Mufaṣṣal and Tadabbur Surah Maryam. The findings reveal that the tadabbur methods outlined and applied by al-Syamriy in Tadabbur Surah Maryam are practical, comprehensive, and flexible depending on the suitability of the verse. Hence, this study emphasizes the importance of expanding the application of tadabbur methods as a systematic and effective medium for internalizing the Qur'an.

Keywords: Qur'anic Tadabbur, Tadabbur Methods, Arabic language.

Pengenalan

Al-Quran diturunkan kepada seluruh umat manusia sebagai panduan hidup yang sempurna. Ia merupakan sumber utama bagi ilmu dan syariat dalam Islam. Ia menjadi rujukan bagi setiap persoalan kehidupan dan jalan menuju kesejahteraan dunia serta akhirat. Oleh itu, setiap individu perlu mendalami, menghayati, dan mengamati makna-makna tersirat dan tersurat di dalamnya. Sebagaimana firman Allah swt:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad) Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar (Al-Quran, Surah Sad 38:29)

Daripada ayat diatas, jelas menunjukkan seruan ilahi untuk menghayati kitab suci ini. Bahkan, amalan tadabbur al-Quran sangat signifikan dalam pembentukan akhlak dan jati diri seseorang mahupun masyarakat majmuk. Demikian tidaklah menjadi kehairanan ia diulang 4 kali didalam al-Quran yang menunjukkan ia merupakan suatu tuntutan yang perlu diberikan perhatian oleh umat Islam. Jika al-Quran sekadar menjadi bacaan tanpa memberikan kesan pada hati, menjadi kembimbangan tidak peroleh petunjuk dan terus mengabaikan al-Quran. Firman Allah:

وَقَالَ الرَّسُولُ يُرَبِّ إِنِّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا

Dan berkatalah Rasul: "Wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai" (Al-Quran, Al-Furqan 25:30)

Ibn Kathir (2021:451) mentafsirkan kalimah *mahujra* itu dimaksudkan dengan meninggalkan mempelajari dan menghafaznya serta meninggalkan memahami dan mentadabbur juga salah satu daripada pengabaian terhadapnya, keengganan beriman kepadanya dan tidak membenarkannya, termasuk sikap pengabaianya, tidak mahu mengamalkan dan mengerjakan perintahnya dan enggan menjauhi larangan-larangannya, serta mengabaikannya, lalu menuju kepada yang lainnya, baik berupa syair, pendapat, nyanyian, cerita, atau metode yang diambil bukan darinya.

Pengamalan tadabbur al-Quran dalam kalangan masyarakat masih belum menyeluruh walaupun usaha untuk mendekatkan al-Quran melalui media dan program dakwah sudah mula dilakukan secara meluas. Ini dapat dilihat daripada kerapuhan akhlak dalam era digital seperti penyebaran fitnah (Sofwa Indra 2023), gejala buli siber, kebebasan bersuara tanpa basan, penyebaran maklumat palsu (Syed Hilmi 2022) dan ketagihan media sosial dan hiburan (Tasnim Rosli 2019). Isu-isu ini menunjukkan pengabaian terhadap mesej al-Quran, sekaligus menggambarkan kelemahan dalam penghayatan agama. Kajian Laila Turuthima Jamat (2023) menunjukkan terdapat hubungan positif antara penghayatan al-Quran dan pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar. Nabil Amir (2023) menegaskan peranan al-Quran dan Hadis dalam membentuk nilai dan pandangan hidup seorang Muslim.

Al-Quran juga diturunkan dalam bahasa arab pastinya mengandungi hikmah dan sebab disebaliknya. Ia juga menggalakkan penelitian dan berfikir secara mendalam. Firman Allah swt:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya. (Al-Quran, Yusuf 12:2)

Oleh itu, memahami dan menguasai bahasa Arab dengan baik adalah satu keperluan dalam proses tadabbur al-Quran agar mesej-mesejnya dapat difahami dengan lebih mendalam dan dapat mengambil manfaat dan pengajaran lebih luas. Ia sebagai salah satu pendekatan dalam usaha memahami al-Quran adalah melalui

kaedah bahasa arab (Bazli Hilmi at el 2021). Meskipun begitu, masyarakat Malaysia berdepan cabaran dalam penguasaan bahasa Arab disebabkan faktor persekitaran dan persepsi sebagai bahasa asing (Abdul Razif Zaini, 2019), kesedaran terhadap kepentingannya sebagai bahasa ibadah kian meningkat. Oleh itu, tadabbur al-Quran menjadi medan aplikasi bahasa Arab yang memperdalamkan penghayatan terhadap wahyu Ilahi (Luqman, 2021). Perkembangan ini turut disokong oleh penganjuran kursus-kursus bahasa Arab untuk masyarakat awam (Sabri Sharir, 2022), pengaruh media Islamik seperti rancangan tafsir dan siri bacaan al-Quran (Azlan & Mohammad Loqman, 2020) dengan tujuan utama untuk memahami al-Quran secara mendalam (Suhaila & Nur Afifah, 2014; Hani'atul Mabruroh, 2022), menyelami hikmah ilahi (Mualimin Sahid, 2024), membaca dengan kekhushyukan dalam solat (Rahim Ramly, 2023), serta menguasai istilah-istilah Arab dalam pelbagai disiplin ilmu Islam (Ku Fatahiyah, 2019). Ini menggambarkan kepentingan bahasa Arab dan kaedah penguasaannya amat signifikan dalam mentadabbur al-Quran.

Tadabbur al-Quran dapat menghayati makna sebenar disetiap huruf, susunan al-Quran dan perkataannya sehingga benar-benar merasai kemukjizatan al-Quran. Terjemahan sahaja tidak memadai kerana ia tidak memberikan makna yang sempurna, tidak dapat menzahirkan keindahan dan kedalaman laras bahasa asal al-Quran sebaliknya hanya memberikan makna secara umum sahaja. Menurut Haziyah at el. (2020), terjemahan al-Quran mengabaikan laras bahasa al-Quran dan strukturnya seperti *taqdim ta'khir*, unsur-unsur *balaghah* seperti *isti'arah*, *tasybih*, *kinayah*, *tamthil* dan lain-lain, serta penggunaan huruf-huruf seperti huruf *waw al-atf*, huruf *ziyadah* dan huruf *jar*.

Justeru, perkara ini menggambarkan signifikan dan kesegeraan dalam keperluan kepada pengaplikasian kaedah tadabbur yang dihipunkan oleh Dr. Aqil Salim al-Syamriy dalam karyanya *Qawā'id tadabbur wa tatbiqāt ala Qisar al-Mufasssal* yang bersifat praktikal dan komprehensif untuk membimbing tadabbur al-Quran dengan lebih mendalam dan teliti. Kaedah yang disusun dengan menggunakan pendekatan bahasa arab. Dengan pendekatan yang lebih mudah, ia mudah menarik minat masyarakat disamping mereka akan lebih terdedah kepada keindahan bahasa al-Quran sekaligus mempertingkatkan budaya berinteraksi dengan al-Quran. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pengaplikasian kaedah tadabbur al-Quran berdasarkan karya Dr. Aqil melalui analisis terhadap *Tadabbur Surah Maryam*. Meskipun dalam kitab *Qawā'id tadabbur wa tatbiqāt ala Qisar al-Mufasssal* sudah membawakan contoh-contoh pengaplikasian, namun ia hanya tertumpu kepada *surah al-mufasssal* iaitu surah-surah pendek pada juzuk 30. Maka ia perlu kepada penganalisan pengaplikasian surah yang panjang seperti Surah Maryam iaitu dalam kategori *al-Mi'in* iaitu surah yang mempunyai seratus, lebih sedikit atau hampir seratus. Justeru, kajian ini dapat melihat kesesuaian pengaplikasian kaedah pada surah-surah yang lain untuk dipraktikkan secara menyeluruh.

Latar Belakang Tokoh

Dr. Aqeel bin Salim bin Aqil al-Syamriy merupakan seorang sarjana yang berkelulusan dari Kuliyyah Syariah, Universiti Imam Muhammad bin Saud al-Islamiyyah. Beliau memperoleh ijazah Sarjana (M.A) dari Kuliyyah Pendidikan,

Universiti Malik Saud dalam bidang Tafsir dan Hadith, serta melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di universiti yang sama dalam bidang pengkhususan Tafsir. Beliau turut aktif dalam bidang dakwah dan pentadbiran agama, antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa Peperiksaan bagi imam dan khatib di bawah pengurusan Jabatan Wakaf, Masjid, Dakwah dan Bimbingan, Wilayah Hafar al-Batin. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Penasihat dalam jabatan yang sama, serta pernah dilantik sebagai Ketua Bahagian Dakwah dan Bimbingan di Jabatan Wakaf, Masjid, Dakwah dan Bimbingan, Hafar al-Batin (Mahmud 2023).

Beliau juga pernah bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Islam merangkap Penyelia Aktiviti Pelajar di Majma'ah Universiti (Majma'ah University 2015).

Sebagai seorang ahli akademik, beliau banyak menghasilkan karya dalam bidang tafsir, tadabbur, hadis dan feqh. Berikut adalah karya-karya beliau *al-Khulāṣah min Tafsīr al-Ṭabarī*, *Mazāhir al-ʿIffah fī Qiṣṣah al-Marʾatayn maʿa Mūsā*, *Laṭāʾif wa Fawāʾid Qurʾāniyyah*, *al-Durūs al-Tarbawīyyah ʿalā al-Arbaʿin al-Nawawīyyah*, *Thamānīn Fāʾidah Tarbawīyyah min Adʿiyat al-Istiftāḥ*, *Miʾah Fāʾidah Tarbawīyyah min Ḥadīth Abī Dharr (Innī Ḥarramtū al-Ẓulm ʿalā Nafsī)*, *Khamsīn Fāʾidah Tarbawīyyah min al-Ḥajj*, *Miʾah Fāʾidah Tarbawīyyah min al-Ṣiyām*, *Ḥadīth Jābir fī Bayʿ al-Nabī ʿalayhi al-salām Jamlahu*, *Riwayah wa Dirāyah Thamānīn Masʾalah min Ḥadīth al-Mujāmiʿ Ahlahu fī Nahār Ramaḍān*, *Ramī al-Jamarāt Qabla Ṭulūʿ al-Shams: Dirāsah Ḥadīthiyyah*, *Thalāth Miʾah Fāʾidah min Ḥadīth Jābir fī Ḥijjat al-Nabī ṣaw*, *Qirāʾāt fī Kitāb al-Bidaʿ li-Ibn Waḍḍāḥ* dan *Tadabbur al-Suwar allatī Tuqrāʾ Yawm al-Jumʿah*.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen berasaskan teks. Teks yang dimaksudkan ialah *Qawaid Tadabbur ala Qisar Mufasssal* dan *Tadabbur Surah Maryam* yang mana kedua-dua teks kajian adalah hasil karya Dr. Aqil Salim al-Syamriy. Data dianalisis melalui dua pendekatan iaitu analisis deskriptif dan analisis komparatif.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini melibatkan analisis pengaplikasian *Qawaid Tadabbur* dalam *Tadabbur Surah Maryam* karya Dr. Aqil Sālim al-Syamriy. Oleh itu, ia melibatkan penganalisan rentas antara dua karya yang menghimpunkan data-data utama iaitu 30 kaedah tadabbur dan tadabbur keseleruhan Surah Maryam 97 ayat.

Antara kaedah-kaedah dari karya *Qawāid Tadabbur wa Tatbiqāt al-Tadabbur* yang diaplikasikan dalam karya *Tadabbur Surah Maryam* ialah;

1. *Fael Mudhāri'* untuk menunjukkan pengulangan dan berterusan.

Kaedah ini melibatkan bentuk fael mudhāri iaitu perbuatan sedang berlaku dan masa depan. Menurut al-Syamriy (2015), fael mudhari' memberi makna pengulangan perbuatan dan berlaku berterusan. Kaedah ini digunakan sebanyak 7 kali dalam karya beliau Surah Maryam pada ayat 34, 39, 47, 55, 57, 59 dan 66. Sebagai contoh pada ayat 34 Surah Maryam:

ذَلِكَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ يَمْتَرُونَ ٣٤

Yang demikian sifat-sifatnya itulah Isa Ibni Maryam. Keterangan yang tersebut ialah keterangan yang sebenar-benarnya, yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya (Surah Maryam 19:34)

Menurut al-Syamriy (t.th), bentuk fi'il mudhari' (يَمْتَرُونَ) menunjukkan bahawa keraguan ahli kitab sentiasa berulang dan terus diperbaharui, serta mereka terus berselisih tentang hal itu.

2. *Jumlah ismiyyah* menunjukkan berterusan dan tetap.

Jumlah ismiyyah ialah ayat yang dimulakan dengan isim bukan dengan fael. Menurut al-Syamriy (2015), jumlah ismiyyah ialah *setiap ayat yang memberi makna lengkap*, yang terdiri daripada *dua isim*, yang pertama disebut *mubtada'*, dan yang kedua *khbar*. Dinamakan *jumlah ismiyyah* kerana dimulai dengan *isim*. Pada asasnya, ia memberi faedah *penetapan* atau *kepastian hukum* yang disebut dalam ayat tersebut.

Kaedah ini digunakan tiga kali dalam karyanya Tadabbur Surah Maryam iaitu pada ayat 21, 34, dan 62. Contoh yang menarik diketengahkan ialah ayat 21, firman Allah:

قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَىٰ هَيْئٍ وَلَنَجْعَلَ لَكَ آيَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِنَّا وَكَانَ أَمْرًا
مَّقْضِيًّا ٢١

Ia menjawab: "Demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan; Tuhanmu berfirman: Hal itu mudah bagiKu; dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami) untuk umat manusia dan sebagai satu rahmat dari Kami; dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya. (Surah Maryam 19:21)

Al-Syamriy (t.th) menjelaskan “هُوَ عَلَىٰ هَيْئٍ” ialah satu jumlah ismiyyah (ayat nama) yang memberi makna *ketetapan dan kesinambungan*. Maksudnya segala sesuatu itu tetap mudah bagi Allah.

3. *Nakirah* untuk menunjukkan kehebatan atau penghinaan mengikut konteks ayat. *Nakirah* ialah sesuatu yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu tanpa penentuan khusus, penggunaan *nakirah* dalam al-Qur'an sering datang dengan tujuan untuk membesarkan (mengagungkan) atau menghinakan (merendahkan) sesuatu. Kaedah ini digunakan 2 kali pada ayat 47, 89. Sebagai contoh:

قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا ٤٧

Nabi Ibrahim berkata: " Selamat tinggalah ayah; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya Ia sentiasa

melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (Surah Maryam 19:47)

Kata salāmun itu dalam bentuk nakirah membawa makna yang lebih mendalam. Menurut al-Syamriy (t.th) سَلَامٌ adalah nakirah yang diberi tanwin, menunjukkan keagungan bentuk penghormatan yang diberikan.

4. Penambahan huruf menunjukkan penambahan makna.

Menurut al-Syamriy (2015) makna dalam bahasa Arab berkait rapat dengan lafaz, yang dimaksudkan dengan *mabna* (binaan kata). Maka, makna yang halus sesuai dengan huruf-huruf yang menyampaikan maksudnya. Apabila makna itu bertambah kuat, hurufnya juga akan bertambah, atau ia akan berpindah kepada wazan (pola) yang lebih berat daripada sebelumnya. Oleh itu, pertambahan huruf dalam sesuatu perkataan menunjukkan pertambahan maknanya. Kadang-kadang, penambahan itu berlaku pada huruf atau pada pola kata. Kaedah ini dapat dilihat pada tadabbur ayat 25, firman Allah:

وَهَزَيَ إِلَيْكَ بِجَنَاحِ النَّخْلَةِ تُسْقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا جَنِيًّا ٢٥

Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak. (Surah Maryam 19:25)

Menurut al-Syamriy (t.th), perkataan تُسْقِطُ menjadi dalil akan banyaknya buah kurma ranum (*ruthab*) yang gugur. Hal ini kerana kalimah تُسْقِطُ ini berasal dari سَقَطَ sebagaimana qiraat Abu Hayyah (al-Alusi). Ini membawa perbezaan makna antara gugur sedikit dengan gugur dengan banyak. Hal ini bertepatan dengan tafsiran Ibn Asyur bahawa *mubālaghah* (penegasan atau hiperbola) pada makna menjatuhkan. Secara mudahnya, pertambahan alif pada fael mudhari' tersebut menunjukkan pertambahan makna iaitu banyaknya gugur buah tamar tersebut.

5. Penggabungan (ataf) yang khusus setelah umum menunjukkan perkara pentingnya perkara khusus itu.

Dalam bahasa Arab, *ataf* merujuk pada huruf-huruf yang berfungsi sebagai kata hubung yang menghubungkan dua kata atau frasa dalam sebuah kalimat. Menurut al-Syamriy (2015), apabila datang satu lafaz umum yang merangkumi semua individu di bawahnya, kemudian disusuli dengan lafaz khusus yang termasuk dalam makna umum itu, maka penggabungan ini menunjukkan pentingnya perkara yang khusus tersebut.

Kaedah ini hanya terdapat sekali sahaja digunakan dalam tadabbur Surah Maryam iaitu pada ayat 68. Firman Allah:

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ لَنَنْحَضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثًّا ٦٨

Oleh itu, demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Sesungguhnya Kami akan himpulkan mereka yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di

Padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di keliling neraka Jahannam. (Surah Maryam 19:68)

Kata al-Syamriy (t.th) penyandaran (penggabungan) syaitan kepada mereka kerana syaitan adalah penyebab kesesatan (manusia) dan sebagai penghinaan kepada mereka dengan digabungkan bersama syaitan. Jadi, ini membawa makna bahawa pengkhususan kepada syaitan selepas penyebutan kafir menunjukkan keburukan yang khusus kerana penyebab kepada kesesatan.

6. Huruf *على* (atas) membawa makna ketinggian dan penguasaan. Huruf *ala* adalah huruf jar iaitu kata sendi membawa makna atas. Menurut al-Syamriy (2015), huruf-huruf dalam bahasa Arab mempunyai beberapa makna. Maka huruf "*عَلَى*" apabila disebut dalam al-Qur'an, ia memberi makna *ketinggian (istilā')* dan *penguasaan* bergantung kepada konteks ayat.

Kaedah ini digunakan sebanyak 5 kali iaitu pada ayat 11, 15, 47, 71 dan 83 Surah Maryam. Antara contoh yang menarik diketengahkan adalah pada ayat 11:

فَخَرَجَ عَلَى قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا ۝ ١١

Maka dia pun keluar mendapatkan kaumnya dari Mihrab (tempat sembahyangnya), lalu ia memberi isyarat kepada mereka: "Hendaklah kamu bertasbih (mengerjakan ibadat kepada Allah) pagi dan petang". (Surah Maryam 19:11)

Menurut al-Syamriy (t.th) Huruf *على* menunjukkan ketinggian tempat ibadah dan kemunculannya, dan ini adalah bentuk pengagungan terhadapnya.

7. *Lam ta'lil* dalam al-Quran membawa makna sebab atau tujuan. Kaedah ini hanya terdapat sekali sahaja iaitu dipalikasikan pada ayat 81, firman Allah:

وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ ءَالِهَةً لَّيَكُونُوا لَهُمْ عِزًّا ۝ ٨١

Dan mereka yang kafir menyembah benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, supaya benda-benda yang mereka sembah itu menjadi penolong-penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka. (Surah Maryam 19:81)

Kata al-Syamriy (t.th), huruf *lam* tersebut adalah *ta'lil* iaitu sebab. Maksudnya, sebab orang kafir menyembah berhala adalah bertujuan untuk mendapat pertolongan supaya diberi kemuliaan kepada mereka.

8. Dibuang *al-ma'mul* memberi makna umum. Menurut al-Syamriy (2015), dalam bahasa Arab, *'āmil* (العامل) ialah kata yang memberi kesan kepada perkataan lain contohnya, *fi'il* (kata kerja) memberi kesan kepada *fā'il* (pelaku), maka *fi'il* dinamakan *'āmil*. Perkataan yang terkesan itu dinamakan *ma'mul* seperti *maf'ul bih* (objek). Kadang-kadang *ma'mul* ini sengaja dihapuskan dalam ayat, tujuannya untuk memberi makna yang lebih

umum. Perkara ini banyak berlaku dalam al-Qur'an. Meskipun begitu, kaedah ini hanya diaplikasikan sekali sahaja iaitu pada ayat 38:

أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا لَكِنِ الظَّالِمُونَ الْيَوْمَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ٣٨

Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. Tetapi orang-orang yang zalim (dengan perbuatan kufur dan maksiat) pada masa di dunia ini, berada dalam kesesatan yang nyata (Surah Maryam 19:38)

Menurut al-Syamriy, *ma'mūl* bagi pendengaran dan penglihatan dihapuskan, maka maknanya menjadi umum, merangkumi segala sesuatu yang boleh didengar dan dilihat. Maksudnya disini, mereka mendengar segalanya dan menyaksikan segala. Sebagaimana kata Ibn Asyur (1984) rasa hairan terhadap betapa buruknya keadaan mereka sehingga mencapai tahap yang menimbulkan kehairanan tentang bagaimana mereka mampu menyaksikan pemandangan yang mengerikan dan mendengar perkara-perkara yang menyakitkan hati. Bahkan Ibn Asyur juga membicarakan berkaitan *ma'mūl* yang dibuang. *Ma'mūl* (objek) bagi kata kerja “mendengar” dan “melihat” dihilangkan dengan tujuan untuk memberi makna umum, iaitu meliputi semua perkara yang boleh didengar dan dilihat. Ungkapan ini juga merupakan kinayah bagi ancaman.

9. *Sighah Mubālagah* memberi makna banyak dan bersangatan

Al-Syamriy (2015) menyatakan *Sighah (bentuk) mubalaghah* dalam al-Qur'an menunjukkan *banyaknya sesuatu perkara dan intensitinya*. Terdapat beberapa bentuk antaranya فَعَال , مَفْعَال , فَعُول , فَعِيل .

Kaedah ini diaplikasikan sebanyak 6 kali dalam Tadabbur Surah Maryam iaitu pada ayat 18, 22, 41, 44, 50, dan 70. Contohnya seperti pada ayat 18, firman Allah:

قَالَتْ إِنِّي أَعُوذُ بِالرَّحْمَنِ مِنْكَ إِنْ كُنْتَ تَقِيًّا ١٨

Maryam berkata: Sesungguhnya aku berlindung kepada (Allah) Ar-Rahman daripada (gangguan) mu kalaulah engkau seorang yang bertaqwa. (Surah Maryam 19:18)

Kata al-Syamriy (t.th), lafaz تَقِيًّا dalam bentuk berlebihan (hiperbola) menunjukkan kebesaran taqwa yang menghalang melakukan perkara keji dan maksiat. Dengan erti kata lain, sekiranya orang itu benar-benar bertaqwa dan menjaga dirinya daripada maksiat dan murka Allah. Peringatan ini adalah daripada Maryam saat berasa *Sighah mubālagah* biasanya memberi makna tetapnya sifat dan banyaknya (konsistensi dan intensiti). Menurut Ibn Asyur (1984) ia merupakan peringatan kepadanya dengan nasihat bahawa dia seharusnya bertakwa kepada Tuhannya. Penggunaan bentuk syarat yang mengandungi maksud keraguan terhadap ketakwaannya adalah bertujuan untuk membangkitkan rasa takut kepada Allah di dalam dirinya.

10. *Huruf istiqlāl* dalam al-Quran menunjukkan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.

Huruf Istiqlāl ialah huruf-huruf yang digunakan untuk menunjukkan masa hadapan (future tense) dalam kata kerja Menurut al-Syamriy (2015) huruf-huruf Istiqlāl iaitu السين وسوف dalam al-Qur'an menunjukkan berlakunya sesuatu pada masa akan datang. Ulama bahasa membezakan antara keduanya "س" untuk masa depan yang dekat "سوف" untuk masa depan yang jauh. Maka, jika salah satu daripada dua huruf ini terdapat dalam ayat, ia menunjukkan bahawa peristiwa yang disebut akan berlaku pada masa akan datang.

Kaedah ini digunakan 5 kali dalam Tadabbur Surah Maryam iaitu pada ayat 47, 79, 82, 96. Sebagai contoh pada ayat 96, firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ٩٦

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatnya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang. (Surah Maryam 19:96)

Kata al-Syamriy (t.th) Huruf istiqlāl dekat (السين) dalam firman-Nya: "سَيَجْعَلُ" menunjukkan dekatnya waktu Allah akan menanamkan kecintaan-Nya kepada hamba-hamba-Nya yang beriman.

Namun begitu, berdasarkan perbincangan kaedah ini, terdapat perselisihan pendapat daripada kalangan ahli nahu tentang perkara ini. Menurut al-Dāsuqi (2019: 322), aliran basrah mengatakan tiada perbazaan antara huruf السين dan سوف kedua-dua huruf ini membawa makna yang sama. Manakala aliran Kufah pula mengatakan terdapat perbezaan iaitu penggunaan سوف lebih luas iaitu masa depan yang lebih jauh dan panjang dan huruf السين membawa penggunaan makna lebih sempit iaitu membawa makna masa depan lebih dekat. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat Ibn 'Asyur (1984), ia sinonim dengan huruf sin menurut pendapat yang lebih sahih. Namun, sebahagian ahli nahu berpendapat bahawa "sawfa" menunjukkan masa akan datang yang jauh dan mereka menamakan konsep ini sebagai al-taswīf. Walau bagaimanapun, tiada penggunaan bahasa yang menjadi bukti kukuh kepada pandangan ini. Oleh itu, melihat bahawa perbezaan huruf akan datang dari aspek makna dekat dan jauh dilihat kurang tepat, tetapi ia masih membawa perbezaan kepada fungsi tertentu bagi setiap huruf tersebut seperti huruf sin yang juga membawa makna istimrar iaitu berterusan dalam keadaan tertentu.

Justeru, yang lebih utama ialah kedua-dua huruf ini tetap memberi faedah, dalam konteks janji, untuk menegaskan kepastian janji tersebut, dan demikian juga dalam konteks ancaman, untuk menguatkan ancaman yang disampaikan.

11. *Tanwin* kebiasaannya menunjukkan pengagungan dan penghormatan.

Menurut al-Syamriy (t.th), antara kebiasaan orang Arab ialah suka meringkaskan. Maka, mereka meringkaskan huruf *nun sakinah* di hujung perkataan menjadi *tanwin*. Kemudian, daripada ringkasan ini, mereka menggunakan *tanwin* untuk

menyatakan *keagungan sesuatu*. Contohnya, bila mereka berkata: "لَكُمْ جَازَةٌ" (*Bagi kamu ada satu hadiah*) tanwin pada "جَازَةٌ" memberi isyarat bahawa ia adalah *hadiah yang besar atau bernilai*. Namun, kadang-kadang *tanwin juga digunakan untuk menunjukkan kehinaan atau kerendahan*, seperti dalam ayat: "مَا مِنْ شَيْءٍ" tanwin di sini menunjukkan betapa rendah dan kecilnya sesuatu itu. Dengan erti kata lain, *tanwin dalam al-Qur'an atau dalam bahasa Arab boleh menunjukkan keagungan atau kehinaan, bergantung pada konteks ayat*.

Kaedah ini diaplikasikan hanya 2 kali dalam karya Tadabbur Surah Maryam iaitu pada ayat 15 dan 21. Antara contoh menarik untuk diketengahkan ialah ayat 15, firman Allah:

وَسَلِّمْ عَلَيْهِ يَوْمَ وُلِدَ وَيَوْمَ يَمُوتُ وَيَوْمَ يُبْعَثُ حَيًّا

Dan (Kami limpahkan) kepadanya selamat sejahtera pada hari ia diperanakkan, dan pada hari ia mati, serta pada hari ia dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat) (Surah Maryam 19:15)

Menurut al-Syamriy (t.th), Tanwin dalam firman Allah: (وَسَلِّمْ) menunjukkan *keagungan* ucapan salam daripada Allah kepada Nabi Yahya. Ia menandakan bahawa *salam tersebut bukan salam biasa*, tetapi penuh kemuliaan dan penghormatan dari Allah, sebagai bentuk pengiktirafan terhadap kedudukan Nabi Yahya. Kaedah ini kelihatan mirip dengan kaedah nakirah yang disebutkan (no. 3) di atas. Namun yang membezakannya adalah nakirah melibatkan skop lebih besar manakala tanwin adalah sebahagian daripada tanda nakirah.

12. Huruf pertanyaan dalam al-Quran digunakan pada beberapa perkara.

Menurut al-Syamriy (2015) Istifham (soalan) dalam al-Qur'an membawa beberapa maksud, antaranya ialah perintah, penafian/penolakan (inkar), menarik perhatian atau mencetus minat (tashwīq), penegasan (taqrīr), menunjukkan kedahsyatan sesuatu perkara (tahwīl).

Kaedah ini diaplikasikan dalam Tadabbur Surah Maryam 5 kali iaitu pada ayat 42, 65, 74, 77, dan 78. Sebagai contoh pada ayat 65, firman Allah:

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ

سَمِيًّا ٦٥

Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepadaNya; adakah engkau mengetahui sesiapaupun yang senama dan sebanding denganNya? (Surah Maryam 19:65)

Menurut al-Syamriy (t.th) ayat ini datang dalam bentuk *istifham inkari* iaitu soalan penafian. Maksudnya tiada sesuatu pun yang sebanding dengan Allah swt dan tiada yang menyamai Nya.

13. Bentuk *af'al tafdil* (superlatif) secara asalnya menunjukkan kelebihan bagi sesuatu yang disandarkan kepadanya.

Menurut al-Syamriy (2015) bentuk *af'al* memberi makna kelebihan atau keutamaan bagi sesuatu yang disebut bersamanya. Kadangkala, ia digunakan untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai sifat yang sama namun, ini bukanlah satu kemestian.

Kaedah ini diaplikasikan dalam Tadabbur Surah Maryam 2 kali pada ayat 70 dan 83. Sebagai contoh pada ayat 70, firman Allah:

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أُولَىٰ بِهَا صِلًا ۚ ٧٠

Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api neraka itu. (Surah Maryam 19:70)

Oleh kerana itu, al-Syamriy (t.th) menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa semua ahli syirik akan masuk ke dalam neraka, namun sebahagian mereka lebih utama (lebih layak) daripada yang lain untuk diazab. Oleh itu, digunakan lafaz: (أُولَىٰ) yang merupakan bentuk kata superlatif (*tafdil*).

Kaedah ini bertepatan dengan tafsiran Ibn Asyur (1984) "Dan apabila penarikan (yakni, pemisahan dan pembezaan) ini bersifat umum, maka setiap golongan mungkin mendakwa bahawa pihak lain lebih banyak melakukan maksiat. Maka Allah Ta'ala memberitahu bahawa Dia mengetahui siapa yang lebih layak daripada mereka untuk merasai panasnya api neraka, kerana neraka itu mempunyai beberapa darjat (tingkatan) yang berbeza-beza. Al-ṣulī ialah masdar daripada *ṣaliya al-nār* seperti *raḍiya*, dan ia merupakan masdar *samā'ī* (diterima berdasarkan pendengaran dari bahasa Arab asli) dengan wazan fu'ūl. Hamzah, al-Kisā'ī, Haḥṣ dan Khalaf membacanya dengan mengkasrahkan huruf ṣād sebagai *itbā'* (penyesuaian) kepada harakat huruf lām, sebagaimana yang telah dijelaskan pada perkataan *juthiyyan* (جثيًا). Dua huruf jar (yakni *bi*-dan *min*) di sini berkaitan dengan kedua-dua kata kerja *af'al al-tafḍīl* (bentuk perbandingan).

14. Huruf ba' membawa beberapa makna.

Menurut al-Syamriy (2015) *Huruf* (الباء) dalam al-Qur'an datang dengan beberapa makna, yang paling masyhur ialah sebab (السببية) dan *milābasah* (الملابسة) iaitu berpaut atau berkait secara rapat dengan Walaupun begitu, terdapat makna 12 lain bagi *huruf ba'* iaitu *al-isti'ānah*, *al-musāhabah*, *al-zarfiyyah*, *al-muqābalah*, *al-mujāwazah*, *al-isti'la'*, *al-qasm*, *al-tab'idh*, *al-ghāyah*, *al-Tawkid* (Ibn Hishām 2019: 229). Schubungan dengan itu, kaedah tadabbur huruf ba' ini didapati hanya sekali dipalikasi iaitu pada ayat 12, firman Allah:

يٰٓيَحْيٰۤى خُذِ الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ وَّءَاتَيْنٰهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا ۚ ١٢

Wahai Yahya, terimalah Kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh! Dan Kami berikan kepadanya Hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak. (Surah Maryam 19:12)

Kata al-Syamriy (t.th) huruf *bā'* dalam firman-Nya (بِقُوَّةٍ) adalah *bā'* *milābasah*, yang memberi maksud bahawa Allah memerintahkan agar berpegang teguh dengan kekuatan, dan agar dia mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh serta memiliki sifat kekuatan itu. Menurut Ibn Asyur (1984) kekuatan (*al-quwwah*) yang dimaksudkan di sini ialah kekuatan maknawi, iaitu tekad yang kuat dan keteguhan. Huruf *bā'* di sini menunjukkan makna *mulābasah* (kesertaan), yakni pengambilan kitab itu disertai dengan keteguhan berpegang kepada kitab tersebut iaitu dengan mengamalkannya dan membawa umat untuk mengikutinya. Hal ini kerana kelemahan (*al-wahan*) telah mulai meresap ke dalam umat Yahudi dalam mengamalkan agama mereka.

15. *Huruf taukid* (penegasan) dalam al-Qur'an memberi maksud peneguhan atau penegasan makna.

Menurut al-Syamriy (2015:19) antara gaya bahasa Arab ialah menegaskan sesuatu kenyataan dengan menggunakan bentuk dan huruf tertentu. Antara huruf-huruf tersebut ialah لام التوكيد (lam penegas), اِنَّ, اَنَّ, اَنَّ (kata pembuka perhatian). Maka apabila salah satu daripada huruf ini terdapat dalam sesuatu ayat, ia menunjukkan penegasan, perhatian yang tinggi dan keutamaan terhadap makna yang disampaikan.

Berdasarkan penelitian, kaedah ini diaplikasikan oleh al-Syamriy (t.th) kali iaitu pada ayat 30, 51, 61, dan 69. Sebagai contoh pada ayat 30, firman Allah:

قَالَ اِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ؕ اَتَانِي الْكِتَابُ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ۖ ۝۳۰

Ia menjawab:" Sesungguhnya aku ini hamba Allah; Ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan Ia telah menjadikan daku seorang Nabi. (Surah Maryam 19:30)

Al-Syamriy (t.th) menyatakan bahawa terdapat kemuliaan kedudukan sebagai hamba (kepada Allah), kerana Nabi Isa 'alaihis salam menegaskannya dengan huruf taukid "اِنِّي" (sesungguhnya aku). Maksudnya, Nabi Isa a.s. mengiktiraf secara tegas bahawa dirinya hanyalah hamba Allah, bukan Tuhan, sekaligus menolak dakwaan kaum yang menyekutukannya. Hal ini kerana ucapan Nabi Isa ini termasuk perkara yang telah diabaikan oleh Injil-injil Kristian, kerana mereka telah menyembunyikan kisah sampai-nya kitab itu kepada kaumnya setelah kitab tersebut diturunkan. Penyembunyian ini merupakan sesuatu yang sangat menghairankan. Hal ini menunjukkan bahawa kitab itu telah ditulis dalam keadaan yang tidak teratur dan tidak terjamin ketepatannya. Maka Allah Ta'ala memberitahu perkara ini kepada Nabi saw. Permulaan dengan sifat kehambaan kepada Allah adalah ilham daripada Allah ke atas lisan Isa, kerana Allah mengetahui bahawa akan datang satu kaum yang mengatakan bahawa Isa adalah anak Allah. Pengungkapan tentang pemberian kitab dengan menggunakan fi'il lampau (*al-māḍī*) dimaksudkan bahawa Allah telah menetapkan pemberian kitab itu kepadanya yakni, Allah telah mentakdirkan untuk memberikan Nabi Isa kitab (Ibn Asyur 1984).

16. Susunan (kata) yang didahulukan dalam ayat-ayat al-Qur'an pasti mempunyai faedah, dan biasanya ia datang untuk tujuan *penekanan atau perhatian*. Menurut al-Syamriy (2015: 57) Bahasa Arab dibina atas susunan lafaz, dan lafaz pula mengikuti makna. Maka, apa-apa makna yang dianggap penting akan didahulukan dalam susunan. Mendahulukan sesuatu yang asalnya tempatnya di belakang tidak akan berlaku melainkan ada faedah tertentu. Dan kebanyakan faedahnya adalah untuk menunjukkan kepentingan dan perhatian terhadap perkara yang didahulukan itu.

Kaedah ini merupakan kaedah yang paling kerap diaplikasikan dalam karyanya Tadabbur Surah Maryam. Ia berulang sebanyak 9 kali iaitu pada ayat 9, 16, 24, 31, 40, 41, 46, 62, dan 81. Antara contoh menarik untuk diketengahkan ialah ayat 24, firman Allah:

فَنَادَاهَا مِنْ تَحْتِهَا أَلَّا تَحْزَنِي قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرًى ۚ ٢٤

Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya: "Janganlah engkau berdukacita (wahai Maryam), sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai (Surah Maryam (19:24))

Menurut al-Syamriy (t.th), pendahuluan (taqdim) terhadap *zharaf tahtaki* (di bawahmu) memberi makna dekatnya tempat itu daripadanya (Maryam), dan menunjukkan maksud untuk menggembirakannya. Maknanya, dalam ayat tersebut (Surah Maryam: 24), Allah mendahulukan perkataan "di bawahmu" untuk menunjukkan bahawa bantuan (air sungai kecil) sangat dekat dengannya, memberi fokus bahawa sungai itu betul-betul di bawah Maryam. Sekaligus ia menenangkan dan memberi ketenangan hati kepada Maryam dengan adanya makanan dan sumberi minuman (al-Darwish 2010:591). Sebagaimana yang dinyatakan Ibn Asyur (1984) keadaan maryam ini layak untuk disambut dengan kegembiraan, bukan kesedihan, kerana padanya terdapat kemuliaan daripada Allah.

17. Apabila Allah menafikan sesuatu daripada diri-Nya, maka itu merupakan penegasan terhadap lawannya.

Menurut al-Syamriy (105) beriman kepada Allah termasuk beriman kepada nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-Nya sebagaimana yang Dia tetapkan untuk diri-Nya atau yang ditetapkan oleh Rasul-Nya saw. Maka apabila Allah menafikan sesuatu daripada diri-Nya, ini memberi dua makna iaitu penafian terhadap perkara yang disebut itu daripada Allah dan penetapan sifat yang berlawanan secara sempurna dengan perkara yang dinafikan itu, kerana penafian Allah menunjukkan kesempurnaan lawannya.

Kaedah ini disandarkan kepada *Majmu' al-Fatāwa* oleh Ibn Taimiyah. Bahkan kaedah ini mirip dengan kaedah yang digariskan oleh al-Sabt (2016: 56) iaitu *mafhum mukhālafah* cuma kaedah ini lebih umum dan luas manakala kaedah al-Syamriy lebih khusus sifat dan perbuatan Allah.

Kaedah ini dapat dikesan bahawa ia diaplikasikan sekali sahaja iaitu pada ayat 64. Firman Allah:

وَمَا نَنْزِلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَلِكَ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا

Dan (berkatalah malaikat): "Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah Tuhanmu (wahai Muhammad); Dia lah jua yang menguasai serta mentadbirkan apa yang di hadapan kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu; dan tiadalah Tuhanmu itu lupa, (Surah Maryam 19:64)

Menurut al-Syamriy (t.th) ayat itu mengandungi penafian sifat lupa bagi Allah, dan penegasan bahawa Allah memiliki ilmu yang sempurna. Sebagaimana kata al-Alusi "Dan Tuhanmu tidak pernah lupa" adalah suatu penegasan daripada sisi-Nya Yang Maha Tinggi terhadap kata-kata mereka. Maksudnya, Allah saw tidak pernah meninggalkan ganjaran untuk seluruh makhluk, atau Dia tidak pernah melupakan amalan mereka dan pahala atasnya sebagaimana yang telah dijanjikan-Nya, Maha Agung dan Maha Tinggi.

18. Lafaz-lafaz umum memberi maksud umum dalam ayat.

Menurut al-Syamriy (2015: 59) lafaz umum ialah lafaz yang merangkumi semua individu atau unsur yang termasuk di bawahnya. Bila lafaz ini datang dalam ayat, ia menunjukkan maksud yang meliputi keseluruhan. Antara tanda-tanda lafaz umum ialah:

- Asma' syarth (kata syarat) seperti *أني، حيث، أي*.
- Asma' mawsulah (kata hubung) seperti *التي، الذي، ما، من* dan pecahannya.
- Nakirah dalam konteks larangan atau penafian
- Alif lām istighraqiyah* (menunjukkan keseluruhan)

Kaedah ini didapati diaplikasikan dua kali iaitu pada ayat 9 dan 35. Sebagai contoh pada ayat 9, firman Allah:

قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّئْ وَقَدْ خَلَقْتُكَ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْئًا ٩

Penyeru itu menjawab: Demikian keadaannya - janganlah dihairankan; Tuhanmu berfirman; "Hal itu mudah bagiKu kerana sesungguhnya Aku telah menciptakanmu dahulu, sedang engkau pada masa itu belum ada sebarang apapun. (Surah Maryam 19:9)

Menurut al-Syamriy (t.th) penafian dengan “وَلَمْ”, pengguguran (huruf) dalam “تَكُ” dan penggunaan nakirah dalam konteks penafian pada perkataan “شَيْئًا” semuanya menunjukkan ketidakwujudan apa-apa makhluk serta lemahannya makhluk.

19. Dhomir *Na'* dan *Nahnu* yang menunjukkan ramai pelaku tetapi dalam al-Quran menunjukkan keagungan Allah swt terhadap diri-Nya sendiri.

Al-Syamriy (t.th) menjelaskan bahawa apabila terdapat dalam ayat al-Qur'an penggunaan *nūn* (نُ) yang menunjukkan pelaku (kami) atau dhamir munfasil *nahnu* (kami), maka ia membawa maksud Allah sedang mengagungkan diri-Nya sendiri, dan sesungguhnya Dia layak untuk diagungkan.

Kaedah ini diaplikasikan sebanyak dua kali dalam karya Tadabbur Surah Maryam pada ayat 7 dan 70. Contoh menarik pada ayat 70, firman Allah:

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أُولَىٰ بِهَا صِلًا

Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api neraka itu. (Surah Maryam 19:70)

Kata al-Syamriy (2025) ayat itu datang dengan lafaz "نحن" untuk menunjukkan keagungan (ta'zīm) kerana konteksnya adalah ancaman (wa'id). Ini menekankan kekuasaan dan kebesaran Allah dalam menyampaikan peringatan atau hukuman. Adapun begitu, pengkaji melihat bahawa kaedah ini sepatutnya dapat diaplikasikan dengan lebih luas. Hal ini kerana ayat seperti ini berulang banyak kali dalam al-Quran sebagai satu penegasan akan kekukasaan Allah, janji tentang ganjaran dan ancaman akan menggunakan perkataan kami. Namun, pengkaji melihat ia merupakan inisiatif dari penulis kitab untuk memberi ruang kepada pembaca mengaplikasikan kaedah tersebut pada ruangan tadabbur yang disediakan. Selain itu, sesuai dengan karyanya yang ringkas namun sarat dengan penghayatan makna yang lebih dalam.

Oleh demikian, 19 kaedah berikut adalah kaedah-kaedah tadabbur daripada *Qawā'id Tadabbur al-Quran wa Tatbiqāt ala Qisar al-Mufaṣṣal* yang diaplikasikan dalam *Tadabbur Surah Maryam*.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kaedah tadabbur al-Quran yang dirumuskan oleh Dr. Aqil Salim al-Syamriy dalam karyanya *Qawā'id al-Tadabbur wa Tatbiqātuhā 'alā Qisar al-Mufaṣṣal* bersifat menyeluruh, praktikal dan mampu diaplikasikan secara meluas dalam proses penghayatan al-Quran.

Daripada 30 kaedah yang digariskan, sebanyak 19 kaedah telah diaplikasikan secara langsung dalam tadabbur Surah Maryam, membuktikan tahap keberkesanan dan kesesuaian kaedah tersebut, walaupun pada surah yang lebih panjang daripada surah-surah *al-Mufaṣṣal* yang menjadi fokus asal karya beliau. Penggunaan pelbagai kaedah dalam satu ayat juga menunjukkan fleksibiliti dan keanjalan metod tadabbur yang dibina oleh al-Syamriy, sekaligus memperlihatkan keluasan ruang tadabbur terhadap ayat-ayat al-Quran dari pelbagai sudut dan pendekatan. Walau bagaimanapun, sebanyak 11 kaedah tidak diaplikasikan dalam karya *Tadabbur Surah Maryam*. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak menjejaskan kesahihan atau kemapanan kaedah tersebut, sebaliknya menunjukkan bahawa pemilihan kaedah sangat bergantung kepada kesesuaian konteks ayat. Selain itu, ia berlaku daripada

pendekatan penulisan yang ringkas dan padat oleh pengarang Namun, ia tidak menafikan bahawa kaedah-kaedah tersebut tetap relevan dan signifikan dalam usaha mentadabbur ayat-ayat al-Quran yang lain.

Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa kesemua 30 kaedah tadabbur yang dihimpunkan oleh al-Syamriy mempunyai nilai praktikal dan metodologi yang dapat dimanfaatkan secara luas oleh para pendakwah, pengkaji, dan umat Islam dalam membentuk kefahaman dan penghayatan yang lebih mendalam terhadap kalam Ilahi. Kajian ini juga membuka ruang baharu untuk pengaplikasian kaedah-kaedah ini terhadap surah-surah lain, terutamanya surah panjang, sekali gus menyumbang kepada pembangunan budaya tadabbur secara sistematik dalam kalangan masyarakat Islam.

Rujukan

1. Al-Quran
2. Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail. 2019. Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*. ISSN: 1823 7126. E-ISSN: 0127-8002.
3. Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman. 2023. Peranan al-Quran dan Hadith dalam kehidupan Muslim. International Institute of Islamic Thought and Civilization Kuala Lumpur. *Jurnal Ilmi*. Volume 13 2023: 187-210
4. Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Muhammad Hafiz Saleh & Adibah Sulaiman. 2021. Kaedah Memahami Makna al-Quran dalam Pengintergrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences* Vol. 33 No. 3 ISSN: 1675-5936 | eISSN: 2289-4799
5. Al-Alusi, Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. 1994. *Tafsir al-Alusi Ruh al-Ma'ani*. Jil 8. Dar al-Kutub al-Ilmiah: Beirut.
6. Al-Darwish, Muhyiddin al-Darwish. 2010. *I'rāb al-Quran al-Karim wa Bayānuhu*. Dar Ibn Kathir: Beirut.
7. Al-Fīrūzābādī, Majīd al-Dīn Muḥammad ibn Ya'qūb ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Shīrāzī al-Fīrūzābādī. *Al-Qāmus al-Muḥīṭ*. 1990. Jilid 4. Beirut: Dar al-Jail.
8. Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah al-Khalidi. 2019. *Ta'rif al-Dārisīn bi Minhāj al-Mufasssirīn*. Cetakan Kedua. Dar al-Qalam Damsyiq.
9. Al-Maidani, Abdul Rahman Husain Habbanakah al-Maidani. 1980. *Qawai'd al-Tadabbur al-Amthal li Kitabillah azza wa jal*. Cetakan pertama. Dar al-Qalam Beirut.
10. Al-Syamriy, Aqīl Sālim al-Syamriy. 2015. *Qawā'id Tadabbur al-Quran wa Tatbiqāt ala Qisar al-Mufasssal*. Dar al-Hadārah li Nasyr wa al-Tauzi'
11. Al-Syamriy, Aqīl Sālim al-Syamriy. T.th. *Tadabbur Surah Maryam*
12. Hani'atul Mabruroh, Azhar Amir Zaen, Andi Wahyudi & Mohammad Fachturrahman. 2022. Bahasa Arab Bahasa Yang Tepat Sebagai Bahasa Al-Quran. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab. Universitas Darussalam Gontor. *Proceeding of International Conference on Arabic Language (INCALA)*

Organized by Arabic Department, Faculty of Letters, Universitas Negeri Malang.

13. Haziyah binti Hussin & Muhammad Hadi Moin bin Abdul Latiff. 2020. Perkembangan Penterjemahan al-Quran di Malaysia pada Abad ke 21. *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)* E-ISBN E978-967-2122-86-9
14. Hikmat Bin Basyir Yasin. 2004. *Manhaj Tadabbur al-Quran al-Karim*. Dar al-Hadarah li Nasyar wa al-Tauzi`. Riyadh: Mekah.
15. Ibn Asyur, Muhammad Tāhir Ibn Asyur. 1984. *Tafsir Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Jil. 16. Dar al-Tunusia li Nasyr.
16. Ibn Hishām, Abdullah Ibn Yusuf Ibn Ahmad Ibn Hishām. 2019. Mughni al-Labib an Kutub al-A'arib. Dar al-Salam: Mesir.
17. Ibn Kathir, Abi Al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurasyi. 2021. Tafsir al-Quran al-'Azim. Cetakan kedua Dar Ibn Kathir. Jilid 3. Beirut: Lubnan.
18. Ibn Manzur, Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad Bin Makram Ibn Manzur. *Lisan al-Lisan Tahzīb Lisān al-Arab*. Jilid 2. Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Beirut: Lubnan.
19. Ibn Faris, Abi al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1994. Mu'jam al-Maqāyis al-Lughah. Tahqiq oleh Shihab al-Din Abu Amru. Cetakan Pertama, Dar al-Fikir.
20. Khalid Uthman al-Sabtu. 2016. Al-Qawaid al-Wusul wa Tatbiqat al-Tadabbur. Markaz Tadabbur Liddirasat wa listisyar. Riyad: Mekah.
21. Ku Fatahiyah Binti Ku Azizan, Hanis Najwa Binti Shahrudin, Farah Nur-Rashida Binti Rosnan, Wazzainab Ismail. 2019. Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. Vol. 16, No.2 (1-15), ISSN: 1823-884
22. Laila Turushima Jamat, Marlinawati Djasmir, Shahlan Surat. 2023. Kecenderungan Mencintai al-Quran Dan Pembentukan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Islam Tingkatan 5 SMK Kota Samarahan, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 5, No. 2, 261-272, 2023.
23. Mohammad Ikram Bin Mohd Nor. 2018. Konsep Tadabbur Dalam Kaedah Rasm Uthmānī Dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Al-Quran. Bangi: UKM.
24. Mohammad Loqman Ibrahim & Azlan Shaiful Baharum. 2021. Kerangka pembentukan modul pengajaran bahasa al-Quran untuk masyarakat awam. Nilai:USIM. *Journal al-Irsyad* Vol 6 No.1
25. Mualimin Mochammad Sahid. 2024. Bahasa Arab Dan Al-Quran Teras Pembentukan Program Pembangunan Generasi Al-Quran. *Seminar Integrated Holistic Education System (IHES) Kali Ke-10 Tahun 2024 M (1446 H)*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
26. Muhammad Sabri Sahrir, Nurulhuda Osman, Ilyani Syiham Muhammad. 2022. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol. 4 No.2 eISSN: 2682-8987.
27. Mahmud Tharwat Abu al-Fadl. 2023. *al-Khulāṣah min Tafṣīr al-Ṭabarī li- 'Aqīl bin Sālim al-Shammrī*
28. Nur Irsalina Binti Amran, Nurul Najihah Binti Kamal & Syed Najihuddin Bin Syed Hasan. 2024. Pengajian Tadabbur Al-Quran Di Aplikasi Tiktok: 'Quran

- Tadabbur'. Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5 (2024) FPQS*, Universiti Sains Islam Malaysia.
29. Nur Sofwa Binti Indra, Najihah Binti Hashim, Hidayatul Hakimah Binti Hakim, Syed Najihuddin bin Syed Hassan. 2023. Adab Berinteraksi Di Media Sosial Menurut Al-Quran Dan Sunnah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*. Nilai: USIM.
 30. Nurul Zakirah Mat Sin. 2014. Definisi Qawa'id Al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir.
 31. Nurul Zakirah Binti Mat Sin. 2018. Analisis Prinsip Tadabbur: Qawa'id Al-Tadabbur Al-Amthal Dan Aplikasinya Dalam Tafsir Ma'Arij Al-Tafakkur Wa Daqa'iq Al-Tadabbur. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
 32. Rahim Ramly & Harun bin Baharudin. 2023. Hubungan Al-Quran Dengan Bahasa Arab: Meneroka Kemahiran Berbahasa Arab Dalam Proses Menghafaz Al-Quran.
 33. Syed Mohammad Hilmi Syed Abd Rahman, Mohd Anuar Ramli Che Zarinna Sa'ari, Azah Anir Norman, Mohd Anuar Mamat & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2022. Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin. Kuala Lumpur: UM*.
 34. Tasnim Rosli, Yogenathan Muniandy & Kamarul Azmi Jasmi. 2019. Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.